

01 JUL 2001

Mahathir-Mahasiswa

MAHASISWA DIINGAT JANGAN MUSNAHKAN NEGARA DENGAN DEMONSTRASI

KUALA LUMPUR, 1 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menggesa para mahasiswa institusi pengajian tinggi supaya tidak memusnahkan negara dengan tindakan-tindakan seperti berdemonstrasi dan merusuh di jalanan.

Perdana Menteri berkata tindakan itu akan merugikan mereka sendiri apabila mereka menamatkan pengajian kerana negara yang musnah tidak dapat menjamin peluang pekerjaan dan kehidupan yang lebih bahagia.

"Kita perlu menjaga apa yang akan kita ambilalih... bukannya bertindak dengan cara yang tidak baik dengan memusnahkan apa yang akan kita warisi," katanya ketika berucap menutup Simposium Penegasan Arah Tuju Idealisme Mahasiswa di Alaf Baru di Auditorium Kompleks Perdana Siswa Universiti Malaya di sini hari ini.

Simposium dua hari itu disertai kira-kira 2,000 pemimpin mahasiswa daripada semua institusi pengajian tinggi awam (IPTA) di seluruh negara.

Dr Mahathir berkata mahasiswa perlu sentiasa ingat tanggungjawab mereka untuk menuntut ilmu bagi diri sendiri, keluarga, masyarakat, agama dan negara dan bukannya bertindak seolah-olah tidak tahu menggunakan universiti.

"Jika kita tidak faham matlamat kita, mungkin kita lakukan sesuatu yang menyekat kita untuk mencapai matlamat itu. Jalan atau jambatan untuk kita ke matlamat itu mungkin kita telah musnahkan dan kita tak akan sampai ke matlamat (yang dituju)," katanya.

Perdana Menteri berkata tindakan sebahagian mahasiswa di negara ini sejak akhir-akhir ini menampakkan mereka hilang haluan dan tujuan asal ke universiti sebaliknya mereka telah mendapatkan latihan dalam bidang lain yang tiada kaitan langsung seperti "bagaimana untuk membakar sesebuah bangunan".

Beliau sebelum itu menyatakan rasa sedih dengan kejadian kebakaran Dewan Tunku Canselor (DTC) Universiti Malaya Jumaat lepas kerana negara kehilangan satu mercu tanda sejarah pendidikan negara.

Mengikut jadual asalnya, simposium itu akan diadakan di DTC tetapi kerana kebakaran di situ, yang disyaki beberapa pihak sebagai perbuatan khianat untuk menggagalkan majlis berkenaan, ia terpaksa diubah ke Auditorium Kompleks Perdanasiswa.

Perdana Menteri meminta mahasiswa mengambil iktibar daripada apa yang berlaku di negara jiran apabila mahasiswa merusuh kerana kecewa dengan pemerintahan negara tetapi setelah berjaya menjatuhkan pemerintah, ia tidak mendatangkan apa-apa hasil.

Dr Mahathir turut menekankan bahawa mahasiswa sepatutnya sentiasa memilih cara yang baik untuk mencapai matlamat mereka kerana pendekatan yang baik akan menjamin hasil yang baik dan bukannya berpegang kepada pepatah Inggeris yang membawa maksud "matlamat menghalalkan cara".

Jika mereka ingin menukar pemerintah, katanya, mereka harus menggunakan hak dan kuasa rakyat untuk mengundi dalam pilihan raya setiap lima tahun sekali kerana undi adalah kuasa mutlak rakyat.

"Itu cara yang bijak daripada menghancurkan dan memusnahkan segala yang di sekeliling kita. Kita tak ada apa-apa lagi," tegas beliau.

Perdana Menteri berkata perkara serupa berlaku dalam Perang Dunia Kedua apabila hasrat Jerman untuk mendirikan empayar yang kekal selama 1,000 tahun dan yang tidak pernah dilihat dalam sejarah manusia, telah menemui kegagalan kerana cara buruk yang mereka gunakan untuk mencapai matlamat.

Beliau berkata disebabkan mereka ketika itu menggunakan cara yang tidak bijak dan tamak, akhirnya mereka hilang semuanya.

Sebaliknya selepas tamat peperangan, Jerman dan sekutunya Jepun telah menggunakan cara yang baik tanpa sebarang keganasan untuk memulihkan negara mereka dengan membangunkan ekonominya sehingga muncul sebagai antara kuasa ekonomi dunia.

Hari ini mereka mencapai matlamat yang tidak dapat dicapai melalui tindakan ganas pada masa lampau, kata Perdana Menteri.

Dr Mahathir bagaimanapun menegaskan bahawa membangunkan semula sebuah negara yang sudah musnah akan mengambil masa yang lebih panjang daripada menyambung usaha pembangunan sedia ada dan oleh itu mahasiswa dan rakyat harus menjaga negara ini agar segala warisan itu dapat terus dimajukan.

Oleh itu mahasiswa perlu menyediakan diri dengan ilmu pengetahuan dan kecekapan yang secukupnya untuk mengambil alih pemerintahan dan meneruskan usaha membangunkan negara daripada generasi tua, katanya.

Pada masa itu, tegas Dr Mahathir, mereka boleh melaksanakan apa yang mereka rasakan tidak dilaksanakan oleh generasi tua sekarang.

"Kalau kita menjaga warisan dan kerana kita berilmu pengetahuan, mungkin usaha kita akan mendatangkan hasil dalam jangkamasa lebih pendek daripada kita memusnahkan segala yang diusahakan oleh pihak yang berkuasa pada masa itu," katanya.

Dr Mahathir percaya apabila generasi muda mengambil alih pemerintahan negara di masa depan, mereka tetap akan menghadapi masalah dalam masyarakat seperti yang mereka rasakan pada masa ini.

Perdana Menteri berkata untuk berdemonstrasi dan merusuh secara ganas di jalanan bagi membantah sesuatu tidak memerlukan pelajaran di universiti kerana ia amat mudah... "orang bodoh pun boleh melakukannya."

"Kita datang ke universiti kerana potensi kita lebih tinggi daripada mereka yang mengganas di jalan-jalan," tambahnya.

-- BERNAMA

AFY ZS RON